

Abdullah terus terima ucapan tahniah

UM-9/6/2007

PUTRAJAYA 8 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan melangsungkan perkahwinan dengan Jeanne Abdullah tengah hari esok terus menerima ucapan tahniah daripada pelbagai pihak hari ini.

Ketika hadir pada majlis penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2006 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN), Abdullah diberi ucapan tahniah oleh Ketua Setiausaha kementerian itu, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof.

"Seluruh warga KKDN amat bergembira dan mengucapkan tahniah kepada Pak Lah berikutan pengumuman yang Perdana Menteri akan melangsungkan perkahwinan pagi esok," katanya ketika berucap pada majlis itu yang kemudian disambut dengan tepukan gemuruh oleh pegawai dan kakitangan kementerian itu.

Abdullah yang kelihatan ceria dan sentiasa tersenyum kemudian mencelah memperbetulkan ucapan Abdul Aziz berhubung waktu majlis akad nikah dengan berkata: "Tengah hari."

Abdul Aziz berkata, beliau juga bertanyakan kepada Perdana Menteri bagaimana sebutan sebenar nama bakal isterinya mengikut sebutan orang Malaysia.

"Saya minta izin daripada Pak Lah, nama macam mana nak sebut, sebab dalam berita TV sebut lain, jadi saya tanya Datuk Seri tadi, nama dia dalam French tapi mulut kita Malaysia macam-macam keluar nanti, jadi Pak Lah kata 'Puan Jeanne'," katanya.

Beliau turut membacakan dua rangkap pantun yang menggambarkan kegembiraan warga KKDN berhubung pengumuman perkahwinan Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

Perdana Menteri dalam ucapannya berjanji akan membawa bersama isterinya dalam acara-acara yang diadakan oleh kementerian itu.

"Insya-Allah dalam acara KKDN, saya akan bawa isteri saya sekali untuk jumpa pegawai di sini. Mudah-mudahan, saya akan hidup bahagia, Insya-Allah," tambah beliau.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis yang sama, Abdullah mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa langkah kerajaan memberi kenaikan gaji kepada kakitangan berpangkat rendah bertujuan mengurangkan kesusahan belanja keperluan seharian seperti sewa rumah, ansuran rumah, kenderaan serta keperluan lain.

"Kadang-kadang manusia, oleh sebab kekurangan wang boleh jadikan mereka rasa tidak senang hati, risau, bimbang dan keadaan ini boleh mendatangkan masalah kepadanya dan keluarga. Bila timbul masalah dalam keluarga, lagi besarlah masalah yang terpaksa dipikul."

"Ini sudah tentu boleh menjejaskan kerja," jelasnya.

Perdana Menteri juga menyeru penjawat awam menambah nilai perkhidmatan awam dengan mempamerkan hasil kerja bermutu tinggi dan keputusan yang dibuat mestilah kemas dan tepat, tidak kelam-kabut, memenuhi keperluan serta memberi kebaikan dan faedah kepada pelanggan.